

16 NOV 2000
APEC-PULANG
PEMIMPIN APEC BERLEPAS PULANG DARI BRUNEI

Oleh: Mohd Nasir Yusoff

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Nov (Bernama) -- Para pemimpin Apec mulai meninggalkan negara yang kaya minyak ini selepas menamatkan Sidang Kemuncak dua hari yang berhasil di sini.

Yang pertama berlepas ialah Presiden Mexico Dr Ernesto Zedillo, diikuti oleh Presiden Abdul Rahman Wahid Indonesia dan ketua perwakilan Kanada John Manley.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, turut berlepas pulang ke Kuala Lumpur malam ini.

Perdana Menteri New Zealand Helen Clark dan Presiden Chile Ricardo Lagos turut berlepas dari Bandar Seri Begawan malam ini.

Pemimpin-pemimpin lain turut terbang keluar dari Brunei malam ini kecuali Presiden China Jiang Zemin yang akan terus tinggal untuk lawatan negara dua hari ke Brunei.

Para pemimin daripada ekonomi-ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik 21 anggota itu berada di sini mulai Selasa lalu bagi Sidang Kemuncak pemimpin Ekonomi Apec Kelapan (AELM) 2000 yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa di sini.

Sidang kemuncak itu diadakan selepas Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) dua hari pada 10-11 Nov dan Mesyuarat Peringkat Menteri pada 12-13 Nov.

Mesyuarat Peringkat Menteri Apec akan datang dan sidang kemuncak pemimpin tidak rasmi akan diadakan di Sahanghai China Oktober 2001. --

BERNAMA

MNY FR OS